

Naib Canselor tentu tarikh pilihan raya kampus

KUALA LUMPUR 26 Mac - Tindakan sekumpulan mahasiswa menyerahkan batu nisan kepada Kementerian Pengajian Tinggi sebagai tanda protes sepatutnya tidak berlaku kerana kuasa untuk menentukan tarikh bila pilihan raya kampus adalah tertakluk kepada kuasa budi bicara naib canselor dan bukannya kementerian.

Naib Canselor Universiti Putra Malaysia (UPM), **Datuk Dr.**

Radin Umar Radin Sohadi menerangkan, pilihan raya kampus adalah urusan dalaman sesebuah universiti dan ia tidak membabitkan campur tangan pihak kementerian.

"Pilihan raya sememangnya tidak dapat dilakukan dalam tempoh terdekat memandangkan ada mahasiswa di peringkat diploma yang masih menduduki peperiksaan selain cuti semester yang akan bermula tidak lama lagi," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Beliau berkata demikian bagi mengulas tindakan beberapa kumpulan mahasiswa yang mendesak pentadbiran institusi pengajian tinggi awam (IPTA) mengadakan pilihan



RADIN UMAR



ZALEHA KAMARUDDIN

raya kampus dalam waktu terdekat seperti dalam kalendar akademik.

Ekoran desakan itu, beberapa kumpulan mahasiswa cuba mengambil tindakan melampau untuk menyerahkan batu nisan kepada kementerian sebagai membantah perubahan tarikh pilihan raya kampus tersebut.

Menurut Radin Umar, pihaknya sentiasa terbuka bagi mendengar masalah mahasiswa dan menyediakan pelbagai saluran untuk memudahkan urusan dalaman universiti, namun dalam masa sama menasihati mereka supaya lebih berhemat dalam menyuarakan satu-satu pandangan.

Sementara itu, Rektor Universiti

Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), **Prof. Datuk Seri Dr. Zaleha Kamaruddin** pula memberitahu, keputusan untuk menganjukkan tarikh pilihan raya kampus adalah untuk memberi laluan kepada pindaan Akta Universiti Kolej Universiti (AUKU) 1971 yang dijangka selesai pada April ini.

"Kita tidak mahu nanti wujud dua keadaan sebelum dan selepas pindaan AUKU. Oleh itu, Jawatankuasa Naib-naib Canselor pada Sabtu lalu bersepakat untuk menganjukkan tarikh pilihan raya kampus ke bulan September ini.

"Pilihan raya pada September ini juga dilihat sesuai kerana dapat memberi peluang kepada mahasiswa baru untuk turut mengundi dan memilih pemimpin mereka. Saya tidak faham kenapa mahasiswa tidak boleh bersabar untuk enam bulan lagi," katanya.

Menurut beliau, mahasiswa perlu mempunyai daya akal dan pemikiran yang lebih terbuka supaya tidak mudah terpengaruh dengan anasir luar serta melakukan tindakan mengikut perasaan.